

Bangunkan sektor pelancongan: Anifah

Kota Kinabalu: Calon Gabungan Rakyat Sabah (GRS) Dewan Undangan Negeri (DUN) Bongawan, Tan Sri Anifah Aman meletakkan agenda pemerkasaan sektor pelancongan sebagai antara inti pati utama dalam manifestonya pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah kali ini.

Beliau yang juga Presiden Parti Cinta Sabah (PCS) berkata, ini kerana intipati digariskan itu berupaya membuka lebih banyak peluang ekonomi dan pekerjaan kepada penduduk khususnya belia.

Katanya, antara destinasi pelancongan yang berpotensi diperkasakan termasuk Pantai Kenangan dan Eko-Pelancongan *River Cruise* di Kampung Seri Serbang menerusi naik taraf prasarana dan kemudahan sedia ada.

“Pantai Kenangan ada-

lah pantai indah dan menjadi tumpuan keluarga serta pengunjung luar dan potensinya lebih jauh sekadar lokasi rekreasi.

“Dengan pembangunan terancang lokasi berkenaan boleh menjadi pusat aktiviti ekonomi baharu untuk penduduk setempat.

“Kita komited membangunkan kemudahan gerai pelancongan di Pantai Kenangan bagi membolehkan usahawan kecil termasuk belia dan wanita menjana pendapatan melalui makanan, kraftangan, produk desa dan aktiviti pantai,” katanya dalam satu kenyataan.

Anifah menegaskan dengan adanya kemudahan gerai tersusun, bersih dan teratur, bukan saja menarik lebih ramai pengunjung, tetapi membuka peluang perniagaan kepada penduduk tempatan.